

## PENGIJRAHAN ORANG-ORANG CHINA KE KELANTAN\*

oleh

MOHAMMAD BIN HAJI IDRIS

### ASAL USUL ORANG-ORANG CHINA

Kita tidak dapat menafikan bahawa penduduk Malaysia dihari ini adalah terdiri dari berbagai suku bangsa dan golongan, agama dan kebudayaan. Golongan yang terbesar ialah bangsa Melayu, China dan India. Diantara ketiga-tiga suku bangsa orang-orang China dan India dianggap sebagai golongan mendatang ke negara ini atau sebagai orang-orang asing sedangkan orang-orang Melayu dianggap sebagai bumiputera.<sup>1</sup> Orang-orang China berasal dari Negeri China dan mereka berhijrah kenegara ini sejak adanya kontak antara kerajaan Melayu Melaka dengan Negeri China yang telah dijalin pada awal abad kelima belas yang lalu.<sup>2</sup> Kemungkinan orang-orang China datang ke Tanah Melayu lebih awal dari catatan itu memang tidak dapat dinafikan kerana terdapat kenyataan bahawa golongan-golongan pendakwah China<sup>3</sup> telah lebih awal melawat Asia Tenggara ini. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa mulai abad ketiga lagi sudah pun ada orang-orang China di Kelantan.<sup>4</sup> Walaupun kenyataan ini diragukan kerana sejauh ini tidak ada bukti-bukti yang diperolehi, tetapi kedatangan orang-orang China ke Tanah Melayu itu sendiri adalah dipengaruhi oleh faktor musim, iaitu mereka datang pada tempoh bulan November hingga April iaitu apabila angin Timor Laut bertiup dari Laut China Selatan. Kelantan mungkin telah menjadi pengkalan persinggahan awal mereka. Oleh kerana itu adalah jelas bahawa pertapakan orang-orang China di Kelantan berlaku lebih awal dari yang berlaku di Pantai Barat Semenanjung.

Memandangkan betapa lamanya hubungan yang telah wujud diantara Semenanjung Tanah Melayu dengan Negeri China tidaklah menghairankan apabila didapati ramai sekali jumlah orang-orang China yang datang dan berhijrah kemari. Jika dilihat daripada data penduduk Tanah Melayu didapati orang-orang China merupakan salah satu golongan yang terbesar dinegara ini seperti yang ditunjukkan di bawah.

---

\* Makalah ini telah diambil dari tesis yang bertajuk "Masyarakat China di Kota Bharu, Kelantan: Satu Kajian Kes Dari Tahun 1945-1970an" dan telah disesuaikan untuk terbitan di dalam jurnal ini - Pengarang.

<sup>1</sup> Penggunaan istilah ini boleh dilihat dalam K.J. Ratnam, *Faham Perkauman Dan Proses Politik Di Malaya (Terjemahan)*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, h. 1; dan juga dalam, Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, DBP, Kuala Lumpur, 1972, b. 98.

<sup>2</sup> Victor Purcell, *The Chinese In Southeast Asia*, Oxford University Press, London, 1965, hal. 235; juga Sir Richard Winstedt, *Malaya And Its History*, London, 1968, b. 32.

<sup>3</sup> V. Purcell, *The Chinese In Malaya*, Oxford University Press, Singapore 1967, h. 16.

<sup>4</sup> Lihat sebuah artikel yang ditulis dalam Bahasa China dalam buku *Cenderamata Ulang-tahun ke54 Dewan Perniagaan China Kelantan*, terbitan The Chinese Chamber of Commerce Kelantan, Kota Bharu 1965, b. 2.

DATA KOMPOSISI BANGSA DI TANAH MELAYU 1921-1957<sup>5</sup>

BANGSA	1921	1931	1947	1957
Bumiputera	1,569,000	1,864,000	2,428,000	3,125,000
China	856,000	1,285,000	1,885,000	2,334,000
India	439,000	571,000	531,000	707,000
Lain-lain	43,000	68,000	65,000	112,000
JUMLAH	2,907,000	3,788,000	4,908,000	6,279,000

Merujuk kepada data itu didapati peratus orang-orang China bertambah dengan cepat dari setahun kesetahun iaitu dari 29.4 peratus pada tahun 1921 meningkat kepada 33.9 peratus pada tahun 1931, kemudiannya menjangkau 38.4 peratus pada tahun 1947. Keadaan ini berbeda sekali dengan peratus bumiputera walaupun jumlah penduduknya meningkat tetapi peratusnya merosot iaitu dari 54.0 peratus pada tahun 1921 kepada 49.2 peratus dalam tahun 1931. Dalam tahun 1957 pula peratus penduduk China ialah sebanyak 37.2 peratus sedangkan Bumiputera 49.8 peratus, India 11.3 peratus dan lain-lain bangsa cuma 1.8 peratus.

Walaupun bagaimanapun kedatangan mereka pada peringkat awalnya adalah semata-mata bertujuan untuk tinggal buat sementara sahaja dan tidak sekali-kali bermaksud untuk menetap dan menjadikan negara ini tanah air mereka. Malah turun naiknya keadaan ekonomi di Tanah Melayu selalunya disertai dengan turun naiknya bilangan orang-orang China yang keluar masuk ke negara ini. Ini menunjukkan bahawa kedatangan mereka ke Tanah Melayu adalah semata-mata dipengaruhi oleh faktor-faktor ekonomi. Peluang-peluang ekonomi yang ada di Tanah Melayulah yang telah menarik mereka berhijrah dari negara asalnya meredah lautan luas mencari punca penghidupan.

Kebanyakan orang-orang China yang datang ke Tanah Melayu berasal dari bahagian Tenggara dan Selatan Negeri China iaitu dari wilayah-wilayah Fukien Kwangtung, Kwangsi dan Pulau Hainan.<sup>7</sup> Bahagian wilayah-wilayah ini merupakan kawasan-kawasan lain di Negeri China seperti kawasan Lembah Hwang Ho atau Lembah Yangtze. Orang-orang China yang berhijrah ke Tanah Melayu itu selain daripada mereka mempunyai perbezaan tentang tempat asal mereka juga berbeza dari segi kelompok, loghat dan tradisi. Perbezaan-perbezaan inilah yang telah membezakan mereka antara satu sama lain. Kelompok-kelompok itu termasuklah Hokkien, Cantonese, Hakka, Kwongsi dan Teochow.<sup>8</sup> Kelompok-kelompok ini biasanya cenderung melakukan pekerjaan yang berlainan dan tinggal bertumpu di kawasan yang berlainan di dalam negeri ini.

<sup>5</sup>Lihat demografi yang diberikan oleh V. Purcell dalam *The Chinese In Southeast Asia* tentang populasi penduduk di Tanah Melayu secara terperinci. h. 223-234.

<sup>6</sup>Dalam hal ini *Laporan Tahunan Negeri-negeri Melayu Yang Berserutu Tahun 1933* menyebut, "Malaya...agak tertakluk kepada naik turunnya yang mendadak tentang jumlah penghuni bukan Melayu. Jumlah penduduk menjadi besar oleh kaum imigran dalam waktu makmur dan mengecut oleh perpindahan keluar selama waktu kesusahan ekonomi sebagaimana yang berlaku selama dua tiga tahun yang lalu", h. 7-8.

<sup>7</sup>Lihat V. Purcell dalam *The Chinese In Malaya*, h. 1; dan juga Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur, h. 116.

<sup>8</sup>K.J. Ratnam, *op.cit.* h. 5.

## SEBAB-SEBAB KEDATANGAN ORANG-ORANG CHINA

Penghijrahan orang-orang China diabad-abad kesembilan belas dan kedua puluh dianggap penting dalam sejarah Tanah Melayu. Seorang penulis mengatakan tanpa kemasukan orang-orang China berkemungkinan Tanah Melayu tidak seperti yang ada pada hari ini tetapi seperti yang wujud pada delapan puluh tahun yang silam dimana penduduknya cuma mendiami kawasan persisir sungai dan pantai tanpa sebarang kemudahan seperti jalanraya, jambatan, bangunan-bangunan awam, hospital, sekolah serta mahkamah keadilan. Malah dapat dikatakan Malaya moden adalah ciptaan Inggeris dan orang-orang China.<sup>9</sup>

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, soal ekonomilah yang telah mendorong orang-orang China berhijrah keluar dari wilayah mereka meredah lautan mencari penghidupan. Walaubagaimanapun terdapat beberapa faktor lain yang turut mendesak mereka keluar. Dalam melihat sebab-sebab kedatangan orang-orang China ke Tanah Melayu terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi dan kesemua faktor-faktor itu saya simpulkan ke dalam dua faktor utama iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Faktor-faktor dalam negeri dapat dianggap sebagai faktor penolak sementara faktor luar negeri pula sebagai faktor penarik terhadap penghijrahan orang-orang China.

Menjelang pertengahan abad kesembilan belas politik di Negeri China berada dalam huruhara kerana pucuk pimpinan yang memegang tampuk pemerintahan terdiri daripada mereka yang tidak cekap sehingga rasuah berlelusa. Selama hampir-hampir tiga puluh tahun Negeri China berada di bawah pemerintahan 'Raja Budak' yang hanya berjawatan sebagai pemangku raja sahaja. Hal ini berlaku selepas pengusiran Maharaja Hsien Feng oleh kalangan istana kerana kecuaiannya baginda terhadap pemerintahan dalam tahun 1860. Walaupun Negeri China diperintah oleh Raja Budak tetapi kuasa pemerintahan sebenarnya berada di tangan Maharaja Tzu Hsi. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan adanya kecurangan dalam pentadbiran akibat dari kelalaian Maharaja yang membiarkan biduanda campurtangan dalam pemerintahan. Disamping itu juga perasaan irihati timbul dikalangan orang-orang China kerana makin ramai pegawai-pegawai Manchu terlibat dalam pucuk pemerintahan berbanding dengan orang-orang China sendiri.<sup>10</sup>

Keadaan politik yang tidak setabil dalam pemerintahan itu telah diburukkan lagi dengan meletusnya pemberontakan Taiping dari tahun-tahun 1851 hingga 1854 yang dilancarkan oleh Hung Hsiu Chuan. Walaupun pemberontakan itu menemui kegagalan tetapi kesannya telah banyak mendatangkan kemusnahan kepada Negeri China. Wilayah-wilayah yang dulunya kaya dengan penghasilan tanaman telah merosot. Pemungutan hasil tidak dapat dilakukan. Rakyat tambah menderita lebih-lebih lagi cukai yang tinggi telah dikenakan oleh pemerintahan semata-mata untuk menampung pendapatan negara yang makin berkurangan. Tambahan pula ketika itu kerajaan China dalam kesempitan kerana terpaksa menjelaskan hutang dan gantirugi kepada British seperti yang diputuskan dalam Perjanjian Nanking dan Tientsin. Pendek kata keadaan yang berlaku pada jangka masa tersebut memperlihatkan kelemahan dan kemerosotan kuasa pemerintah Manchu.

<sup>9</sup>V. Purcell, *The Chinese In Malaya*, h. VII.

<sup>10</sup>Untuk mendapat pengburaian lebih lanjut mengenai perkara tersebut lihat Harold M. Vinacke, *Sejarah Timor Jauh Dalam Zaman Moden*, DBP, Kuala Lumpur 1967, h. 88-90.

Selain daripada faktor politik, faktor sosio-ekonomi juga tidak kurang pentingnya dalam mendorong penghijrahan orang-orang China secara beramai-ramai selepas pertengahan abad kesembilan belas. Negeri China mempunyai jumlah penduduk yang ramai. Walaupun kadar kelahiran dikalangan penduduknya tinggi tetapi ianya kurang memberi kesan terhadap ekonomi negara terutama dalam abad-abad ketujuh belas, kelapan belas dan kesembilan belas. Pertambahan ini disebabkan dalam jangka masa tersebut keamanan telah pulih kembali di Negeri China selepas penaklukan orang-orang Manchu. Tambahan pula bahan makanan telah bertambah dan makin baik lagi mutunya akibat dari penemuan-penemuan baru dalam bidang pertanian. Dengan adanya sajian makanan yang baik menyebabkan kesihatan penduduk lebih terjamin. Walaupun ada berlaku banjir, kemarau dan bencana alam yang lain tetapi ianya kurang memberi kesan terhadap pertambahan penduduk di Negeri China. Keadaan tersebut tidak berkekalan kerana dalam pertengahan abad kesembilan belas perkembangan ekonomi tidak lagi dapat menampung pertambahan penduduk yang pesat kerana cara-cara baru penanaman tidak diperbaiki. Oleh itu keseimbangan tidak dapat diwujudkan diantara kadar kelahiran penduduk dengan pengeluaran bahan makanan. Bencana alam yang berlaku dalam abad kesembilan belas itu seperti banjir dan kemarau telah menyebabkan kebuluran dan mendatangkan kesempitan hidup kepada rakyat.<sup>11</sup> Keadaan ini boleh mendorong rakyat yang menderita untuk berhijrah keluar mencari penghidupan baru yang lebih baik.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, orang-orang China yang berhijrah itu kebanyakannya berasal dari bahagian Tenggara dan Selatan Negeri China. Kawasan-kawasan itu merupakan kawasan yang beriklim panas dan subur untuk pertanian. Walaupun sebahagian besar tanahnya merupakan tanah tinggi dan berbukit tetapi penduduknya tetap bergiat dalam pertanian dengan mengusahakan pertanian teres. Kawasan ini juga merupakan kawasan orang-orang pelarian yang mencari perlindungan dari utara kerana orang-orang Manchu yang menakluki China dan menjatuhkan Dinasti Ming itu datang dari Utara. Pelarian-pelarian China ini kebanyakannya mendiami kawasan ini tambahan pula ianya jauh dari pengawasan pusat pentadbiran Manchu yang berpusat di Peking. Kerana itu juga kawasan ini sering menjadi medan meletusnya pemberontakan dan kekacauan sehingga setengah-setengah penulis seperti Purcell menganggap bahawa penduduk-penduduk di wilayah-wilayah tersebut sebagai 'adventurers' dan radikal.<sup>12</sup>

Kemasukan kuasa-kuasa barat ke Negeri China seperti Inggeris, Portugis dan Amerika dan pembukaan heberapa buah pelabuhan utama kepada pedagang-pedagang barat telah memperlihatkan kelemahan Dinasti Manchu dimata rakyat China sendiri. Kemasukan pedagang-pedagang barat ke Negeri China juga telah membuka peluang orang-orang China sendiri untuk ikut berdagang didalam perdagangan antara-bangsa. Kalau sebelumnya Kerajaan Manchu mengeluarkan undang-undang mengharamkan penghijrahan orang-orang China dengan mengenakan hukuman pancung tetapi dalam tahun-tahun pertengahan abad kesembilan belas undang-undang itu tidak dilaksanakan walaupun pemansuhannya hanya pada tahun 1893. Pengharaman oleh Kerajaan Manchu itu dibuat kerana takut pemberontakan terhadapnya dilakukan oleh orang-orang China. Akibat kebuluran

<sup>11</sup>*Ibid.*

<sup>12</sup>V. Purcell, *The Chinese In Malaya*, h. 1.

dan-bencana alam yang bertalu-talu menimpa serta kerisis politik yang sedang berlaku, akhirnya Kerajaan Manchu mengambil jalan keluar membenarkan penghijrahan dari Negeri China dengan secara sukarela tetapi tidak sekali-kali menggalakannya.

Dalam memperkatakan faktor luar negeri yang menjadi 'Pull Factor' terhadap penghijrahan orang-orang China ke negeri-negeri Asia Tenggara, kita tidak harus melupakan kesan yang ditimbulkan oleh Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah. Banyak bahan-bahan mentah itu datangnya dari negeri-negeri Asia Tenggara. Perkembangan industri itu turut menarik minat orang-orang China untuk ikut sama menceburkan diri dan berlumba-lumba mencari kekayaan dirantau Asia Tenggara lebih-lebih lagi lombong-lombong timah dan bahan-bahan galian lain turut berkembang dengan pesatnya.

Di Tanah Melayu peluasan perusahaan melombong bijih timah berlaku dalam tahun-tahun 1880'an berikutan dengan permintaan timah yang bertambah tinggi dan juga dengan penemuan longgokan-longgokan lain sepanjang kaki bukit Tanah Melayu. Pada tahun 1898 harga timah bertambah tinggi dan keadaan ini telah menaikkan gaji-gaji buruh. Keadaan ini mendorong kedatangan buruh-buruh dari China Selatan secara beramai-ramai menjelang akhir abad kesembilan belas. Akibatnya pada tahun 1901 orang-orang China didapati lebih ramai daripada orang-orang Melayu di dua buah negeri iaitu Perak dan Selangor.<sup>13</sup> Walaupun kemajuan perusahaan melombong timah memberi dorongan kepada orang-orang China berhijrah ke-negara ini, tetapi pekerjaan orang-orang China yang datang kemudiannya meliputi berbagai kegiatan ekonomi terutama sekali di bidang penanaman getah apabila tanaman itu mula mendapat perhatian.

Ciri perpindahan orang-orang China ke Tanah Melayu adalah didorong oleh sebab-sebab ekonomi. Sedikit sahaja yang bercadang untuk menetap selamanya di Semenanjung setelah mereka berjaya mengumpulkan harta. Keadaan ini didorong oleh sebab adanya kemudahan pergerakan mereka ke negara asal terutama apabila alat kenaikan diperbaharui dan kapal-kapal telah menggantikan perahu layar.<sup>14</sup> Peranan kerajaan Inggeris tidak kurang pentingnya dalam menggalakkan dan mendorong penghijrahan orang-orang China secara besar-besaran menjelang akhir abad kesembilan belas. Orang-orang Inggeris apabila menjajah Negeri-negeri Melayu menyedari yang kemajuan akan tergendala di negeri-negeri tersebut yang mempunyai jumlah penduduk yang sedikit dan tenaga buruh yang kurang. Inggeris juga bersikap pasif terhadap kebolehan dan kemampuan orang-orang Melayu di bidang ekonomi. Sehingga pernah dikatakan oleh seorang Inggeris iaitu Captain MacPherson yang melawat Muar pada tahun 1857 bahawa:

"It is useless to hope for energy with the Malay... It wants a strong infusion of chinese life and skill".<sup>15</sup>

Dengan hasrat memenuhi tujuan itulah Inggeris telah menggalak dan membuka peluang yang seluas-luasnya kepada kemasukan orang-orang China secara besar-besaran ke Tanah Melayu. Ini diakui K.J. Ratnam yang menyebut:

<sup>13</sup>Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*, DBP, Kuala Lumpur, 1968, h. 117.

<sup>14</sup>*Ibid.*, h. 118.

<sup>15</sup>V. Purcell, *The Chinese In Southeast Asia*, h. 259.

“Dengan bertapaknya kekuasaan Inggeris dan diikuti pula dengan pembukaan negeri untuk pengusahaan ekonomi, maka menjadi-jadilah imigrasi secara besar-besaran.”<sup>16</sup>

Hanya setelah beberapa lama kemudian barulah imigrasi orang-orang China dikawal. Bagaimanapun imigrasi mereka itu telah memberi tenaga kerajinan dan penyesuaian ekonomi yang telah menolong Inggeris mencapai kehendak-kehendaknya.<sup>17</sup> Justru itu penyekatan tersebut menandakan tamatnya peringkat besar kedatangan orang-orang China ke Tanah Melayu. Akibat kedatangan mereka juga telah menambahkan satu suku bangsa yang besar terhadap corak penduduk Tanah Melayu.

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan imigrasi orang-orang China adalah disebabkan dua faktor utama iaitu faktor dalam negeri dan faktor luar negeri. Walaupun faktor-faktor itu saling berkait tetapi faktor-faktor dalam Negeri China itu sendiri adalah lebih besar mempengaruhi penghijrahan secara besar-besaran ke Tanah Melayu. Kesengsaraan hidup yang dialami telah mendesak mereka untuk mencari sara hidup yang lebih baik diseberang laut sehingga Inggeris berjaya menukarkan tradisi hidup mereka kepada satu tradisi baru yang asing bagi mereka.

#### ORANG-ORANG CHINA DI KELANTAN

Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini bahawa orang-orang China di percayai datang ke Kelantan lebih awal dari negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung seperti yang pernah dicatatkan oleh setengah ahli-ahli Sejarah. Sebagai buktinya Rentse memberikan beberapa pendapatnya berdasarkan catitan-catitan yang terdapat didalam sejarah Negeri China. Antaranya terdapat dalam catitan penulis-penulis China tentang sebuah negeri bernama ‘Ho-Lo-TAN atau KOU-LO-TAN’ dalam bahasa China yang dikatakan pada awal abad ketujuh terletak dibahagian Selatan Chi’-h-Tu (Sukhothai, Siam).<sup>18</sup>

Dengan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Negeri Kelantan sudahpun ada dalam pengetahuan orang-orang China dan mungkin pernah dikunjungi oleh orang-orang China lebih awal dari tarikh itu. Kalau tidak, masakan ianya tercatat dalam catitan sejarah orang-orang China. Walau bagaimanapun tarikh yang tepat bilakah orang-orang China mula bertapak di Kelantan tidak dapat dibuktikan sehingga kemasa ini. Mengikut Rentse lagi kawasan pertempatan awal orang-orang China di Kelantan ialah di Pulau iaitu kawasan yang terletak dalam Daerah Gua Musang di Ulu Kelantan Pertempatan itu dipercayai lebih awal dari tarikh yang dijangkakan. Ini berdasarkan alat tenggala yang digunakan oleh penduduknya untuk tujuan pertanian padi, didapati tidak berbeza dari yang digunakan di Negeri China dan berlainan pula dengan yang digunakan oleh orang-orang Melayu. Loghat yang mereka gunakan ialah loghat China tetapi tidak pandai berbahasa Melayu. Mereka mempunyai ketua sendiri yang dikenali sebagai Kapitan China. Mereka hidup dalam keadaan terpencil dengan menanam padi dan mencari emas<sup>19</sup>. Mengikut pendapat seorang penulis, asas tradisi China tempatan di Pulau telah di letakkan oleh seorang ketua Hakka bernama Chong Pah Chai, seorang penjenayah

<sup>16</sup>K.J. Ratnam, *op.cit.*, h. 7.

<sup>17</sup>*Ibid.* h. 6.

<sup>18</sup>Anker Rentse, *op.cit.*, h. 46.

<sup>19</sup>*Ibid.* h. 57.

di Selatan Negeri China yang melarikan diri ke Pulau kira-kira pada pertengahan abad kedelapan belas lalu.”

Berdasarkan kenyataan ini ternyata bahawa kawasan Pulau merupakan kawasan pertempatan awal orang-orang China di Kelantan. Pendudukan mereka dikawasan tersebut semata-mata kerana faktor ekonomi sebab dikawasan tersebut kaya dengan emas. Kehidupan mereka yang tidak bergantung kepada bahan-bahan makanan dari luar itu membuktikan bahawa mereka hidup terpisah dari masyarakat di luarnya. Walau bagaimanapun pada akhir abad kedelapan belas dan awal abad kesembilan belas orang-orang China itu telah mula melibatkan diri dalam politik dan sejarah pentadbiran yang diasaskan oleh Long Yunus. Ini boleh dilihat semasa peperangan antara Trengganu dengan Kelantan kerana merebut takhta pemerintahan Kelantan, iaitu antara Tengku Muhammad dari Kelantan. Dalam Hikayat Seri Kelantan ada menyebut bahawa Long Muhammad hampir tewas dalam peperangan itu tetapi sempat berundur ke Sungai Nal. Baginda telah meminta pertolongan dan bantuan dari orang-orang China bagi mengusir angkatan Trengganu itu dengan berjanji;

“...Apabila menang hendak membenarkan kepada China Galas itu merampas tiga hari berturut-turut kerana pada masa itu di Galas banyak orang-orang China.”<sup>20</sup>

Akhirnya Long Muhammad berjaya merebut takhta Kelantan dengan pertolongan orang-orang China Galas itu. Satu lagi peristiwa yang berlaku dalam Negeri Kelantan ialah pembunuhan Long Tan oleh orang-orang China Galas hasil dari pakatan jahat Long Jenal.<sup>21</sup>

Orang-orang China yang terlibat dalam pakatan jahat itu telah ditangkap oleh Sultan dan dijatuhkan hukuman seperti yang tersebut dalam Hikayat Kelantan;

“Dijambil semuanya China durhaka itu ditambat dua-dua satu. Berapa banyak China kena tangkap, bawa hilir serta periksa, dibunuh habis China itu hingga ikan didalam sungai tiada boleh hendak makan sebab banyak bertemu kuku didalam perut ikan itu.”<sup>22</sup>

Setelah peristiwa tersebut, tidak ada lagi penglibatan orang-orang China di Galas dalam sejarah pemerintahan tradisional Kelantan. Walaupun demikian satu lagi petempatan orang-orang China telah muncul di Kelantan menjelang tahun 1900 yang dikenali sebagai Kampong China.<sup>23</sup> Namun begitu mengikut sumber-sumber lisan bahawa orang-orang China telah pun menduduki kawasan

<sup>20</sup> Mohd. Asri bin Hj. Muda, dalam sepatah kata *Majalah Peringatan Ulangtahun Yang ke 52 Sekolah Menengah Dan Rendah Chung Hua*, Kota Bharu, 1978, h. 11.

<sup>21</sup> Long Tan dan Long Jenal bersaudara dan keduanya anak kepada Long Yunus. Long Tan berangkat ke Galas untuk memungut cukai atas suruhan Sultan Muhammad I. Keadaan di Galas tidak memuaskan hatinya lalu ia menyuruh saudagar-saudagar berhenti menjual beras kepada orang-orang China. Akibatnya berlaku kekacauan dan baginda dibunuh dan mayatnya dihanyutkan diatas rakit. Angkatan itu sebenarnya dirancang oleh Long Jenal. Lihat Taib Osman, *Ibid*, hal. 112, dan Saad Shukri, *op.cit*, h. 58.

<sup>22</sup> Taib Osman, *op.cit*, h. 112.

<sup>23</sup> Kampong China terletak kira-kira sebatu dari pusat bandar Kota Bharu iaitu di Jalan Pantai Chunta Berahi. Kawasan Kampong China inilah merupakan kawasan utama kajian penyelidikan.

Kampung China kira-kira hampir seratus lima puluh tahun yang lalu<sup>24</sup> dan mereka ini berasal dari Negeri China. Kampung China sebelum mendapat nama tersebut telah dikenali dengan berbagai nama lain seperti Kampung Nik Mek dan Kampung Paman.<sup>25</sup>

Berdasarkan sumber lisan yang lain pula<sup>26</sup> orang-orang China yang sekarang menetap di Kampung China itu dipercayai sebelumnya adalah tinggal bertaburan dikawasan kampong lain sekitarnya iaitu di Kampung Penambang, Kampung Laut, Kampung Tiket dan Kedai Buluh yang kesemuanya terletak dipinggir Sungai Kelantan sebelum mereka bermastautin di Kampung China. Mereka itu kemudian berpindah dari masa kesemasa dan akhirnya menetap dan berkumpul di Kampung China seperti yang ada pada hari ini. Ini ternyata daripada kesan kesan peninggalan yang masih ada seperti terdapatnya tanah perkuburan orang-orang China di Kampung Laut dan tebing Sungai di Kampung Penambang dulunya dipercayai menjadi kawasan perkuburan orang-orang China tetapi kesan-kesannya sudah hilang akibat hakisan air.

Kebanyakan orang-orang China yang mendiami kawasan ini bekerja sebagai peniaga dan petani. Mereka berniaga barang-barang dan hasil-hasil tempatan untuk dihantar ke Singapura dan kenegara-negara luar. Bahan tempatan utama yang diperdagangkan ialah kelapa kering dan pinang kosi. Tidak hairanlah kawasan ini menjadi tumpuan orang-orang China kerana Pengkalan Penambang dan kawasan sekitarnya termasuk Kampung China menjadi pelabuhan dan bandar utama sebelum kemunculan bandar Kota Bharu.<sup>27</sup> Lebih-lebih lagi, jalan sungai pula menjadi jalan pengangkutan dan perhubungan utama bagi penduduk Negeri Kelantan. Kawasan pelabuhan ini menjadi tumpuan pedagang dan pintu masuk ke Kelantan, dari arah Sungai Kelantan.

Kampung China dan kawasan sekitarnya pada mulanya adalah dipunyai dan dikuasai oleh Raja Muda Penambang.<sup>28</sup> Beliaulah yang bertanggungjawab membenarkan orang-orang China membuat pertempatan di Kampung China dan orang-orang China telah memagar kawasan mereka. Selepas kematian Raja

---

<sup>24</sup>Mengikut Encik Ooi Chong Joi seorang penduduk di Kampung China, bahawa Kampung China telah diduduki sejak 150 tahun lalu dan keluarganya sendiri berasal dari Kwantung Negeri China. Sementara itu anak Chik Ching pula mengakui bahawa keluarganya sudah tiga keturunan bertapak di Kampung China dan merupakan salah satu keluarga terawal menduduki Kampung China. Sumber ini diperolehi dari temuduga dengan mereka pada 20hb. Disember, 1975.

<sup>25</sup>Sumber ini diberikan oleh Nik Yusof bin Nik Zainal, salah seorang penduduk di Sungai Budor yang ditemuduga pada 20hb. Disember, 1975.

<sup>26</sup>Sumber ini diperolehi hasil dari temuduga yang dibuat dengan Mak Mah Tok Bidan seorang penduduk yang tinggal di Kampung Penambang. Ini diperkuatkan oleh pengakuan seorang China yang enggan menyebutkan namanya yang mengatakan keluarganya telah berpindah dari beberapa tempat sebelum menetap di Kampung China. Temuduga ini dibuat pada 25hb. Disember, 1975.

<sup>27</sup>Kenyataan ini diberikan oleh Encik Chia Eng Seng iaitu saudara kepada Chia Eng Chong yang menjadi Kapitan China yang terakhir di Kampung China. Temuduga ini dilakukan pada 25hb. Disember, 1975.

<sup>28</sup>Raja Muda Penambang ialah anak kepada Long Tan yang dibunuh oleh orang-orang China di Galas. Nama sebenar beliau ialah Tengku Tuan Bongsu Bachok. Gelaran Raja Muda Penambang itu dikurniakan oleh Long Jenal ketika baginda merajai Kelantan. Untuk keterangan lanjut tentang peranan Raja Muda Penambang dalam sejarah Kesultanan Kelantan, sila lihat Saad Shukri, *op.cit*, h. 53-56.



Muda Penambang tempat beliau telah diambil alih oleh anaknya Tengku Cik yang bergelar Tengku Panglima Raja dan dikenali juga sebagai Raja Peraknak<sup>29</sup>. Pada masa beliaulah dipercayai tanah-tanah di Kampung China telah dijual kepada orang-orang China.

Dalam soal pengurusan dagang pelabuhan tersebut telahpun ada satu sistem pemungutan cukai tertentu seperti yang disebut oleh Wang Gungwu bahawa kapal-kapal yang berlabuh dikenakan cukai berdasarkan size kapal dan beratnya muatan. Kapal-kapal besar yang berat muatannya dikenakan bayaran cukai sebanyak lima atau enam ratus ringgit perak, sementara yang ringan dikenakan antara dua atau tiga ratus sahaja. Begitu juga dengan penumpang-penumpang yang tiba kenegeri itu dengan kapal untuk pertama kalinya akan dikenakan bayaran mendarat sebanyak satu ringgit perak, tetapi bagi mereka yang telah menetap di negeri itu dikenakan bayaran sebanyak satu ringgit perak juga setahun.<sup>30</sup>

Walau bagaimanapun terdapat diskriminasi di antara orang-orang China yang tinggal dipelabuhan dengan yang tinggal dipendalaman yang bekerja sebagai pelombong-pelombong emas.<sup>31</sup> Pelombong-pelombong itu kalau mereka hendak kembali ke Negeri China terlebih dahulu dikehendaki menghadap ke Bawah Duli Sultan Kelantan dan dikenakan membayar sebanyak satu auns emas, sedangkan mereka yang tinggal di pelabuhan tidak dikenakan apa-apa sekolah-olah bayaran itu merupakan sebagai cukai permit melombong.<sup>31</sup>

Bagi orang-orang China yang berdagang di Kelantan mereka membeli hasil-hasil hutan yang perlu untuk dijadikan ramuan-ramuan ubat China seperti gaharu manisan lebah, kulit penyu dan pinang. Disamping hasil-hasil hutan, ada juga disebutkan hasil bijeh timah yang diperdagangkan kepada orang-orang China yang datang ke Kelantan. Barang-barangan yang dibawa oleh orang-orang China ke Kelantan diantaranya adalah kain benang Annam, pinggan mangkuk, manik-manik dan juga alat-alat musik. Keterangan-keterangan tentang perdagangan diantara Kelantan dengan pedagang-pedagang China itu juga ternyata dalam rekod-rekod China.<sup>32</sup>

Masyarakat China di Kampung China di Kota Bharu keseluruhannya mempunyai seorang Kapitan China<sup>33</sup> untuk mentadbir dan mengendalikan hal ehwal orang-orang China. Tidak ada bukti-bukti yang menyatakan nama-nama Kapitan China dalam Negeri Kelantan kerana sejauh ini tidak ada penulisan tentang peranan Kapitan China di Kelantan kecuali dalam satu artikel oleh Wang Gungwu<sup>34</sup> yang pernah menyebut tentang Kapitan China secara ringkas. Kapitan China yang terakhir sekali di Kampung China ialah Chia Eng Chong yang telah meninggal

<sup>29</sup>Mengikut Haji Abu Bakar b. Omar seorang penduduk di Sungai Budor, gelaran itu diberikan oleh Raja Siam kepada Tengku Chik. Temuduga ini dilakukan pada 26hb. Disember, 1975.

<sup>30</sup>Wang Gungwu, *op.cit.*, h. 34.

<sup>31</sup>Orang-orang China dipendalaman merujuk kepada mereka yang tinggal dikawasan Ulu Kelantan termasuk di Pulau dan Galas.

<sup>31</sup>Wang Gungwu, *op.cit.*, h. 34.

<sup>32</sup>Paul Wheatley, *op.cit.*, h. 77 dan 79; juga G. Coedes, *op.cit.*, h. 184.

<sup>33</sup>Gelaran Kapitan China ini mula digunakan oleh orang-orang Portugis apabila mereka melantik salah seorang China untuk memimpin masyarakat di Negeri Melaka.

<sup>34</sup>Wang Gungwu, *op.cit.*, h. 34.

dunia pada tahun 1948.<sup>35</sup> Selepas itu jawatan tersebut tidak ada lagi tetapi telah diganti dengan satu jawatan dan gelaran yang baru iaitu Datok Kaya Pati.<sup>36</sup>

Kapitan China adalah merupakan pemimpin masyarakat China yang bertanggung jawab menguruskan hal ehwal orang China dan mewakili masyarakatnya dalam apa-apa rundingan dengan para pembesar dan juga dengan Sultan. Seseorang yang dilantik sebagai kapitan selalunya dipilih dari kalangan mereka yang kaya dan berpengaruh dalam masyarakat China itu sendiri. Mengikut Ab. Rashid dalam kajiannya,<sup>37</sup> jawatan itu hanya diisi setelah diperkenankan oleh Sultan yang memerintah; tetapi mengikut Chia Eng Seng pula,<sup>38</sup> Kapitan China adalah dipilih dan dilantik oleh Sultan sendiri dan orang-orang China di Kampung China tidak mempunyai kuasa menyuarakannya.

Kapitan China mempunyai tugas yang besar dan berperanan penting dalam masyarakat China di Kampung China. Tugasnya adalah hampir-hampir sama dengan jawatan penghulu atau pengawa. Kapitan China selain daripada bertanggungjawab terhadap hal ehwal orang-orang China, juga diberi kuasa untuk menyelesaikan dan melaksanakan hukuman keatas kes-kes yang kecil dikalangan masyarakat China tempatan. Sementara kes-kes jenayah seperti membunuh barulah dibawa kepenghadapan Sultan. Soal-soal nikah kahwin, cerai dan soal-soal kemasyarakatan yang berkaitan dengan orang-orang China juga diserahkan kepada Kapitan China. Walaupun Kapitan tidak diberi gaji atau sebarang habuan tetapi ianya diberi kuasa oleh Sultan untuk memungut cukai sebahagian daripada barang-barang yang diperdagangkan dikalangan masyarakat China.<sup>39</sup> Seringkali juga Kapitan China itu mendapat undangan dari Sultan untuk menjadi jurubahasa apabila adanya pedagang-pedagang dari Negeri China yang masuk ke Kelantan.<sup>40</sup> Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan bahawa Kapitan China memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan masyarakat China dengan masyarakat setempat dan pemerintah. Ia juga bertanggungjawab menjaga keharmonian hidup orang-orang China di Kota Bharu.

Orang-orang Kelantan hidupnya berkelompok didalam kampung-kampung disepanjang Sungai Kelantan dan anak-anak sungainya. Mereka mendiami tepi-tepi sungai kerana kemudahan untuk berhubung diantara satu sama lain tambahan lagi sungai pada masa itu merupakan satu-satunya alat perhubungan yang penting. Kedua, kerana makin jauh tempat kediaman mereka daripada sungai makin tinggi pembayaran cukai-cukai makanan yang masuk ke negeri itu dan ketiga kerana tanah yang subur terdapat di lembah-lembah sungai.<sup>40</sup> Kerana faktor inilah yang menyebabkan penduduk bertumpu ke kawasan Kota Bharu lebih-lebih lagi setelah Kota Bharu muncul sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi Negeri Kelantan.

Dalam memperkatakan sebab-sebab orang China bertumpu di Kota Bharu dapatlah saya merumuskannya ke dalam beberapa faktor. Pertama, Kota Bharu me-

<sup>35</sup> Kenyataan ini diberikan sendiri oleh Chia Eng Seng iaitu adik kepada Chia Eng Chong yang menjadi Kapitan China yang terakhir di Kota Bharu. Temuduga ini dilakukan pada 25hb. Disember, 1975.

<sup>36</sup> Gelaran ini adalah bagi menggantikan jawatan Kapitan China, dan peranan serta tugas Datok Kaya Pati ini akan diperkatakan kemudian dalam bab ini juga.

<sup>37</sup> Lihat Ab. Rashid Ahmad, *op.cit.*, h. 48.

<sup>38</sup> Temuduga ini dibuat pada 25hb. Disember 1975.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Abd. Rashid Ahmad, *op.cit.*, h. 48.

rupakan ibu negeri dan pusat pemerintahan, dan segala kegiatan berkaitan dengan ekonomi, sosial dan politik bertumpu di situ. Keduanya, kerana kedudukan Kota Bharu yang strategik sebagai pelabuhan yang mengawal kemasukan segala pengangkutan sungai ke kawasan pendalaman Kelantan. Sejak dari dulu lagi sungai merupakan jalan pengangkutan utama. Selain daripada kerana belanjanya murah, juga kerana untuk sampai ke Kelantan jalan yang paling selamat dan cepat ialah menerusi jalan laut dan sungai. Kapal-kapal dagang yang melalui laut China Selatan dapat singgah di muara sungai Kelantan kerana Kota Bharu terletak hanya kira-kira enam batu sahaja dari pantai. Oleh kerana kemudahan inilah orang-orang China memilih Kota Bharu sebagai kawasan petempatan mereka lebih-lebih lagi orang-orang China pada awal kedatangan mereka ialah untuk berdagang. Hal ini juga dapat dilihat dari orang-orang China yang datang ke Pantai Barat Tanah Melayu membuat penumpuan dikawasan-kawasan pelabuhan dimana berlangsungnya kegiatan dagang, baik untuk dalam negeri maupun untuk luar negeri.

Faktor ketiga ialah kerana bandar Kota Bharu dan daerah-daerah sekitarnya merupakan kawasan yang subur untuk pertanian. Tanahnya tanah rendah dan rata. Sebahagian besar kawasannya dibentuk daripada tanah lanar. Kesuburan tanah ini membolehkan penduduk-penduduk menjalankan kegiatan-kegiatan pertanian seperti menanam padi yang menjadi tanaman makanan utama serta tanaman sampingan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

#### POPULASI DAN PENYIBARAN ORANG-ORANG CHINA

Walaupun dari segi ekonomi Negeri Kelantan tidak mendatangkan banyak keuntungan kepada orang-orang China berbanding dengan Negeri-negeri Melayu yang lain, tetapi jumlah penduduk China makin bertambah dari tahun ke setahun di Kelantan. Mengikut Purcell, jumlah orang-orang China di Kelantan pada tahun 1931 hanya seramai 17,612 orang sahaja sedangkan jumlah keseluruhan penduduknya ialah 362,517 orang.<sup>42</sup> Berdasarkan catatan ini dapatlah kita bandingkan bagaimana pesatnya pertambahan orang-orang China di Kelantan dalam tahun-tahun berikutnya, iaitu dalam tahun-tahun 1947 dan 1957 mengikut data-data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan.

#### KOMPOSIS BANGSA DI KELANTAN<sup>43</sup>

	1947	1957
Jumlah Penduduk	448,572	505,522
Bumiputera	412,918	463,118
China	22,938	28,861
India	4,940	5,655
Lain-lain Bangsa	7,776	7,878

<sup>41</sup>Libat Ab. Rashid Ahmad, *op.cit.*, h. 39.

<sup>42</sup>Purcell, *Chinese in Malaya*, *op.cit.*, h. XII.

<sup>43</sup>Data-data tersebut diambil dari Report No. 4 oleh Mr. H. Fell, 1957 *Population Census of The Federation Of Malaya*, Jabatan Statistik Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, 1960, h., 51.

Dari data tersebut dapat dilihat bahawa kadar pertambahan penduduk yang paling tinggi dicapai oleh orang-orang China ialah 25.8% berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Gulungan Bumiputera, kadar pertambahannya hanya 12.2% India 14.7% dan lain-lain 1.3%. Sementara itu kadar pertambahan penduduk keseluruhannya ialah hanya 12.7%. Dengan itu dapat dikatakan kadar pertambahan penduduk Bangsa China ialah dua kali ganda dari kadar pertambahan penduduk keseluruhannya. Keadaan ini berbeza sekali dengan apa yang berlaku di Negeri Pahang yang juga merupakan negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Jumlah penduduk Negeri Pahang pada keseluruhannya ialah 250,178 orang pada tahun 1957. Dari jumlah tersebut bumiputeranya ialah 135,772 orang pada tahun 1947 dan 179,086 orang pada tahun 1957. Orang-orang China pada tahun 1947 pula ialah 97,329 orang dan ditahun 1957 berjumlah 108,226 orang.<sup>44</sup>

Berdasarkan angka-angka tersebut didapati kadar pertambahan penduduk Pahang keseluruhannya berjumlah sebanyak 25.1 peratus dari tahun 1947 hingga ke tahun 1957. Gulungan bumiputera, kadar pertambahannya ialah 31.9 peratus sedangkan orang-orang China kadar pertambahannya cuma 11.2%. Dengan ini dapatlah dibuat perbandingan antara kadar pertambahan penduduk yang berlaku di Kelantan dengan kadar pertambahan ini Pahang. Dari kadar pertambahan penduduk keseluruhannya dari tahun 1947 hingga 1957, walaupun didapati Negeri Pahang mencapai peratus yang lebih tinggi berbanding dengan Kelantan tetapi apa yang menarik ialah kadar pertambahan penduduk-penduduk China dan Bumiputera diantara kedua-dua Negeri itu berbeza sekali. Kadar pertambahan Bumiputera di Kelantan cuma 12.2 peratus sahaja sedangkan di Pahang mencapai 31.9%. Ini berbanding pula dengan kadar pertambahan orang-orang China di Kelantan kadarnya ialah 25.8 peratus sementara Pahang cuma 11.2 peratus sahaja.

Dalam memperkatakan soal itu beberapa faktor dirumuskan yang menjadi punca wujudnya keadaan tersebut. Jika dilihat dalam tahun-tahun 1940an dan 1950an, negeri yang dianggap paling maju sekali di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu ialah Negeri Kelantan sementara Negeri Pahang pula merupakan salah sebuah negeri yang termundur di Semenanjung kerana kekurangan bahan-bahan mentah walaupun negerinya negeri yang terluas di Semenanjung. Keadaan ini pasti mempengaruhi kadar pertumbuhan orang-orang China kerana seperti yang telah diterangkan sebelum ini bahawa orang-orang China berminat terhadap aktiviti perniagaan dan perdagangan. Jadi sudah tentu mereka akan bertumpu ke Kelantan yang dianggap lebih maju dari Negeri Pahang. Oleh itu tidak hairanlah mengapa kadar pertambahan orang-orang China yang tinggi berlaku di Kelantan berbanding dengan Negeri Pahang.

Orang-orang China terdiri dari berbagai bangsa atau suku kaum. Di Kelantan pada tahun 1957 dari jumlah keseluruhan orang-orang China yang seramai 28,861 orang itu didapati suku Hokkienlah yang paling ramai sekali iaitu seramai 16,955 orang iaitu kira-kira 58.7 peratus suku Cantonese menduduki tangga kedua dengan jumlah seramai 4,303 orang iaitu kira-kira 14.9% dan diikuti oleh suku Hakka dan Hainan. Untuk penjelasan yang lebih lanjut, berikut ini disertakan data kedudukan yang sebenar.

---

<sup>44</sup> *Ibid.*

DATA-SUKU BANGSA CHINA DI KELANTAN—1957<sup>45</sup>

SUKU BANGSA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Hokkien	8,672	8,283	16,955
Teochiew	618	511	1,129
Hakka	1,442	1,192	2,634
Cantonese	2,524	1,779	4,303
Hainanese	1,391	956	2,347
Hokchia	37	21	58
Hockchiu	120	98	218
Kwongsai	353	199	552
Hanghwa	91	57	148
Lain-lain Suku	311	206	517
<b>JUMLAH</b>	<b>15,559</b>	<b>13,302</b>	<b>28,861</b>

DATA-KOMPOSISI BANGSA PENDUDUK KELANTAN 1957<sup>46</sup>

JAJAHAN	JUMLAH PENDUDUK	BUMI-PUTERA	CHINA	INDIA	LAIN2
Kota Bharu	150,884	135,150	13,393	1,423	918
Pasir Mas	82,847	78,807	2,855	199	986
Ulu Kelantan	34,564	28,340	4,025	1,968	228
Pasir Puteh	53,866	52,171	1,046	88	561
Bachok	51,520	50,152	964	32	372
Machang	39,440	36,315	2,662	336	127
Tumpat	60,365	53,173	2,425	459	4,308
Tanah Merah	32,099	29,184	1,443	1,317	335
<b>JUMLAH</b>	<b>505,585</b>	<b>463,292</b>	<b>28,861</b>	<b>5,642</b>	<b>7,835</b>

Walaupun penduduk China di Negeri Kelantan berjumlah 28,861 orang pada tahun 1957 tetapi penyibaran mereka tidak sekata antara tiap-tiap jajahan (lihat data yang disertakan). Jajahan Kota Bharu selain daripada mempunyai ramai penduduk bumiputera juga mempunyai penduduk China yang ramai. Orang orang China berjumlah 13,393 orang berbanding dengan bumiputera seramai 135,150 orang. Jajahan yang kedua paling ramai orang-orang China ialah Jajahan Ulu Kelantan diikuti oleh Pasir Mas, Machang dan Tumpat. Taburan mereka ini dipengaruhi rapat dengan peluang-peluang ekonomi yang terdapat di kawasan tersebut termasuklah sumber-sumber ekonomi. Misalnya jajahan Bachok mempunyai jumlah orang-orang China yang paling sedikit berbanding dengan jajahan-jajahan lain iaitu cuma 964 orang sahaja. Keadaan ini disebabkan oleh keadaan ekonomi di Bachok (selain daripada menangkap ikan sebagai mata pencarian

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 56.

<sup>46</sup> Data ini dipetik dari, Victor Purcell, *The Chinese In Southeast Asia*, h. 227.

utama) tidak banyak peluang ekonomi yang dapat diusahakan oleh orang-orang China, tambahan pula kedudukannya yang stratijik sebagai bandar perantaraan yang menjadi bandar penghubung antara Kota Bharu di Utara dengan Kuala Krai di Selatan, dan juga antara Tanah Merah di barat dengan Pasir Puteh di timur. Kepentingan Machang sebagai bandar persimpangan inilah yang menyebabkan jumlah orang-orang China di Machang lebih ramai dari Bachok, Tumpat, Tanah Merah dan Pasir Puteh.